

# Tak menang tangan hingga kelah 'terbang' ke China

HM 16/10/2024 Pg 9

**Kuala Berang:** Seorang pembekal anak ikan kelah merah di Kampung Betong dekat sini, tidak menang tangan selepas menerima tempahan untuk bekalan termasuk dari China.

Azmi Hamid Chua, 45, berkata, dia yang sebelum ini tinggal di luar Terengganu mengambil keputusan untuk pulang ke kampung dan mengusahakan jualan ikan kelah merah sejak tujuh tahun lalu.

Menurutnya, dia terfikir untuk menjalankan perniagaan menjual anak ikan kelah, namun ketika itu dia masih mentah dan tidak mempunyai ilmu dalam bidang itu.

"Sebelum melakukan perniagaan ini secara serius, saya berguru dengan rakan yang berkemahiran dalam bidang berkaitan

ikan kelah dan hasil tunjuk ajar rakan yang berpengalaman, saya dapat melaksanakan kerja ini.

"Saya membeli ikan kelah pelbagai saiz dan saya akan menggredkan ikan sebelum dijual kepada pembeli yang biasanya menempah dalam kuantiti yang banyak," katanya yang juga pekebun sawit.

Menurutnya, ikan kelah biasanya ditangkap penduduk setempat selepas musim banjir kerana ia mudah diperolehi selepas tengkujuh.

Katanya, ikan yang dijual bersaiz 2.54 sentimeter (cm) hingga 10cm dengan harga RM3 hingga RM12 seekor dan antara 40,000 hingga 100,000 ekor ikan atau lebih akan digred dalam setahun bergantung kepada bekalan yang di-

terima.

Azmi berkata, anak ikan akan dibesarkan hingga mencapai saiz ideal iaitu 3.8cm yang biasanya mendapat permintaan tinggi antara 10,000 hingga 15,000 ekor bagi satu tempahan yang dibuat.

"Saya pernah menghantar bekalan sebanyak 8,000 ekor ikan kelah bersaiz antara 5cm hingga 10cm ke China dan proses pembelian itu dilakukan anak saya, Hafiz Ikwan, 21, yang boleh berbahasa Cina.

"Memandangkan Hafiz bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), dia mampu meluaskan pasaran anak ikan ini dan saya sendiri ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk menghantar ikan itu dalam bentuk kargo.

"Selain itu, isteri, Nor Marliana Abdullah, 29, turut membantu dalam menjalankan perniagaan ikan kelah ini kerana permintaan yang amat tinggi daripada pembeli," katanya.

Menurutnya, dia turut mempunyai induk ikan kelah merah yang biasanya dipinjamkan kepada rakkannya untuk dijadikan induk bagi proses biak baka.

Katanya, jualan ikan kelah merah boleh mencecah antara RM100,000 hingga RM200,000 setahun, namun ia belum ditolak lagi dengan pelbagai kos yang perlu ditanggung bagi membesarkan anak ikan itu.

"Saya turut memberi

khidmat nasihat kepada pembeli atau penternak bagi memastikan ikan itu dipelihara dan hidup dengan baik," katanya.



AZMI menunjukkan anak ikan kelah merah yang mendapat permintaan tinggi.